

KES T-117-2010 Dalam Tribunal Koperasi Malaysia
Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

Antara

- 1. Dr. Rajamohan Annamalai**
- 2. Dr. Subla Rajamohan**
- 3. Datuk Dr. P. Krishnan a/l Pakkirisamy**

Pemohon

Dengan

Koperasi Doktor Malaysia Berhad

Responden

ALASAN AWARD

Latar Belakang Kes

1. Pemohon 1, 2 dan 3 adalah anggota dalam Responden (KDM). Pemohon 1 dan Pemohon 2 mempunyai RM15,000.00 syer dalam KDM. Manakala P3 adalah salah seorang anggota pengasas KDM dan mempunyai RM10,000 syer. Ketiga-tiga Pemohon telah memfailkan tuntutan di Tribunal Koperasi Malaysia untuk mendapatkan kembali bahagian dividen yang diberi oleh KDM kepada anggotanya tetapi telah tidak dibayar kepada mereka. Di sebaliknya dividen tersebut telahpun dibayar kepada sebuah subsidiari KDM iaitu KDM Pharma.

2. Kes ini telah didengar oleh Tribunal Koperasi Malaysia dan kesemua ahli panel Tribunal Koperasi yang mendengar kes ini telah membuat perbincangan atas fakta dan undang-undang dalam kes ini dan telah bersetuju dengan sebulat suara mengenai keputusan yang telah dicapai.

3. Tiada fakta yang dipertikaikan dalam kes ini. Apa yang dipertikaikan dalam kes ini adalah isu sama ada kesemua Pemohon berhak dibayar dividen mereka dengan# sepenuhnya berasaskan kepada jumlah syer yang dimiliki oleh mereka ataupun KDM mempunyai kuasa untuk membayarkan sebahagian daripada dividen tersebut ke dalam KDM Pharma bagi tujuan digunakan khas oleh kesemua Pemohon untuk membeli ubat-ubatan yang dibekalkan oleh KDM Pharma.

Keputusan Pengagihan Dividen Anggota kepada KDM Pharma.

4. Mengikut para 7.3 ms 12 Minit Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan (MATP) Ke20 yang diadakan pada 8 Jun 2008, sebanyak RM 1,391,551.40 iaitu 20% daripada dividen anggota Responden telah diperuntukkan untuk pembelian ubat-ubatan wajib daripada KDM Pharma dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2007.

5. Dalam Laporan Tahunan ke 22 pula, di ms10 P18, iaitu minit MATP ke21, dinyatakan bahawa keanggotaan KDM adalah 640 orang anggota. Di ms 11, Pengerusi KDM menyatakan bahawa dividen sebanyak 50% telah diisytiharkan dalam Tahun Kewangan 2008 dan 15% dividen tambahan juga akan diberi kepada setiap anggota dengan cara pembelian ubat-ubatan melalui KDM Pharma

Perjalanan Perniagaan KDM Pharma

6. Di ms20 P18, semasa membentangkan laporannya berkenaan KDM Pharma dalam MATP pada 7 Jun 2009, adalah dinyatakan seperti berikut:

“Dr Bhagal informed that out of 640 members 410 members have opened an account with KDM Pharma and therefore, we still have another 230 members who have not embraced this business. He further said that for the last 5 months KDM Pharma have achieved a turnover of RM1 million”.

7. Di ms35 P18, semasa membentangkan Laporan Tahunan Lembaga KDM untuk Tahun 2009/2010, adalah dinyatakan seperti berikut:

“2 August 2009

During KDM’s second Board Meeting 2009/2010, Dr. Bhagal said that the sales are not very good for the following reasons:

- Doctors have not finished their quota.
- the economic downturn.
- aging members, who do not practice or do not work for long hours and therefore the demand is lower.
- there are 122 members (RM192,802.50) who have yet to open an account with KDM Pharma”

8. Seterusnya laporan bagi 31 Oktober 2009 di muka surat yang sama menyatakan seperti berikut:

“During [the] KDM’s 3rd Board Meeting (2009/2010), Dr Bhagal said that the total sale had exceeded RM1.8 million. Out of RM1.8 million, RM1.3 million is the sale from compulsory purchase (20% dividend) and many of our members did not purchase beyond the said amount”

9. Adalah jelas bahawa sambutan daripada anggota-anggota KDM terhadap KDM Pharma kurang memuaskan dan tanpa pembelian wajib sebanyak RM1.3 juta, penjualan KDM Pharma hanyalah RM500,000.00 sahaja. Semasa pendengaran kes ini, Pengerusi Responden menekankan bahawa untuk tahun pertama perniagaannya dalam tahun 2009, KDM Pharma telah mendapat untung lebih daripada RM200,000.00. Ini juga dinyatakan dalam ms36 P18. Sebanyak 15% daripada dividen anggota telah diperuntukkan untuk pembelian ubat-ubatan untuk tempoh masa dari 1 Februari 2010 hingga 30 April 2010.

Sama ada Pemohon Memerlukan Khidmat KDM Pharma

10. Jumlah dividen yang sepatutnya diterima oleh ketiga-tiga Pemohon tetapi telah diperuntukkan oleh Responden untuk pembelian ubat-ubatan adalah seperti berikut:

TAHUN KEWANGAN/% DIVIDEN	P1	P2	P3
2007/20%	RM3,000	RM3,000	RM2,000
2008/15%	RM2,250	RM2,250	RM1,500
2009/15%	RM1,500	RM1,500	RM1,000

11. Ketiga-tiga Pemohon mempunyai alasan masing-masing kenapa mereka tidak dapat membeli ubat-ubatan daripada KDM Pharma. Walaupun mereka menyatakan bahawa mereka menyokong KDM mengadakan pelbagai perniagaan, mereka tidak bersetuju bahawa mereka diwajibkan membeli ubat-ubatan yang ditawarkan oleh KDM melalui suatu perjanjian yang dibuat di antara KDM Pharma dengan Antah Bumimedica Sdn Bhd dengan syarat bahawa sejumlah dividen setiap orang anggota sepertimana diputuskan oleh Lembaga Responden hendaklah diperuntukkan untuk membeli ubat-ubatan yang ditawarkan oleh KDM Pharma menurut suatu senarai yang diedarkan kepada anggota dalam suatu tempoh masa yang tertentu.

12. Menurut keterangan Pemohon-Pemohon, P1 dan P2 bekerja sebagai doktor swasta yang berkhidmat dengan sebuah syarikat pembekalan perkhidmatan perubatan. Syarikat tersebut telah menandatangani suatu perjanjian dengan Kerajaan Malaysia untuk membekalkan perkhidmatan perubatan kepada penjara dan pusat penahanan di negara kita. Menurut Exhibit P7 dan P8, iaitu perjanjian di antara P1 dan P2 dengan syarikat tersebut, kedua-dua P1 dan P2 telah dikontrakkan oleh syarikat tersebut kepada Kerajaan Malaysia bagi pembekalan perkhidmatan perubatan yang dinyatakan di atas. Ubat-ubatan yang diberikan kepada pesakit yang dirawat oleh P1 dan P2 dibekalkan oleh Kerajaan Malaysia.

13. Manakala, P3 merupakan seorang doktor swasta yang bekerja dengan sebuah hospital swasta sebagai superintenden perubatan dalam hospital swasta tersebut. Berdasarkan kepada ms5, P17, P3 diwajibkan menggunakan ubat-ubatan yang dibeli oleh pihak hospitalnya. Berdasarkan kepada kapasiti ketiga-tiga Pemohon, adalah jelas kepada kesemua ahli Tribunal Koperasi ini bahawa mereka tidak memerlukan perkhidmatan pembelian ubat-ubatan yang ditawarkan oleh KDM Pharma.

14. Terdapat permohonan daripada ketiga-tiga Pemohon kepada Responden menyatakan bahawa mereka tidak dapat membeli ubat-ubatan yang dibekalkan oleh KDM Pharma dan mereka ada memohon pemulangan dividen tersebut kepada mereka. Jawapan Responden kepada permintaan Pemohon adalah untuk mereka membeli ubat-ubatan tersebut dan menjualnya kepada doktor yang lain atau mendermakan ubat-ubatan tersebut kepada organisasi amal yang lain. Jika mereka tidak menggunakan dividen mereka yang diperuntukkan bagi maksud tersebut, dividen tersebut akan dirampas (forfeited) dan dikembalikan kepada Responden. Di ms44 P18 iaitu *Balance Sheet As At 31 Dec 2009* , ditunjukkan bahawa terdapat RM168,264.59 sebagai "*Provision for KDM Pharma (Unutilised Dividend 2007)*".

Sama ada Pemohon Patut Derma Ubat-Ubatan Tersebut

15. Menurut keterangan yang diberikan semasa perbicaraan kes ini, SP1 adalah seorang doktor swasta yang juga tidak memerlukan ubat-ubatan yang ditawarkan oleh KDM Pharma kerana amalan perubatannya tidak memerlukan hampir semua ubat-ubatan di dalam senarai yang dibekalkan oleh KDM Pharma seperti di Exhibit P12. Akan tetapi seorang saksi Responden, iaitu SR5 telah menyatakan bahawa dia telah membeli ubat-ubatan tersebut walaupun dia tidak menggunakan ubat-ubatan tersebut atau menjalankan amalan perubatan tetapi dia dapat mendermanya kepada organisasi amal yang memerlukan ubat-ubatan tersebut.

16. Semasa pemeriksaan balas, P3 telah membangkitkan isu bahawa terdapat ubat-ubatan yang disenaraikan di bawah Akta Racun 1952 (Akta 366) yang hanya boleh diberikan kepada seseorang pesakit oleh seorang doktor dan oleh itu tidak boleh didermakan kepada mana-mana orang atau organisasi dan ada juga keperluan undang-undang di mana doktor yang memberikan jenis ubat yang mengandungi bahan yang tersenarai di dalam senarai racun di dalam Jadual kepada Akta Racun 1952 (Akta 366) diwajibkan menyediakan suatu daftar orang-orang yang telah diberikan ubat tersebut. SP5 menyatakan bahawa dia sedar akan kewajipan tersebut dan dia hanya akan menderma kepada organisasi amal di mana terdapat doktor dan juru rawat yang akan menyimpan rekod yang diperlukan di bawah sisi undang-undang. Walaupun tidak dipersetujui oleh SP5, P3 menyatakan bahawa bukan semua doktor yang lain yang ingin mengambil risiko yang ditanggung oleh SP5 kerana membuat sesuatu yang bercanggah dengan Akta Racun 1952.

17. Setelah menelitikan isu ini, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suaranya memutuskan bahawa adalah tidak munasabah bagi anggota Responden mengambil risiko menderma ubat-ubatan tersebut kepada organisasi amal kerana anggota-anggota yang menderma ubat-ubatan itu tidak mempunyai hak untuk meminta pengesahan daripada doktor yang memberikan ubat tersebut kepada pesakitnya kerana terdapat hak kerahsiaan pesakit-doktor di mana hal perubatan seseorang pesakit tidak boleh diberitahu kepada orang yang lain tanpa persetujuannya. Kemungkinan besar juga terdapat percanggahan dengan peruntukan dalam Akta Racun untuk membekalkan ubat dalam cara begini dan Tribunal Koperasi ini tidak dapat merestui sesuatu perbuatan yang berkemungkinan boleh bercanggah dengan undang-undang.

18. Responden juga ada meminta anggotanya menjual ubat-ubatan yang mereka tidak dapat gunakan kepada doktor yang lain atau memberi ubat-ubatan tersebut kepada kawan-kawan dan saudara-mara mereka. Hujahan Pemohon adalah penjualan kepada doktor lain tidak dapat dilakukan oleh mereka kerana terdapat larangan khas mengenai penjualan kepada pihak ketiga yang bukannya anggota.

19. Tambahan lagi, terdapat tarikh luput bagi ubat-ubatan tersebut. Dan adalah sukar bagi anggota menggunakan tempoh masa yang singkat untuk membeli ubat-ubatan tersebut. Menurut fakta yang dikemukakan,. salah satu syarat yang dikenakan oleh Responden adalah jika pembelian ubat-ubatan tidak dibuat oleh anggota Responden dalam tempoh masa yang ditentukan, maka jumlah dividen kelayakannya akan dirampas (forfeited). Jumlah dividen seseorang anggota yang dirampas akan dibayar kepada Responden. Exhibit P16 adalah surat daripada Responden kepada SP1 di mana SP1 diwajibkan membeli ubat-ubatan bernilai RM2,250 dalam 3 bulan iaitu 1 Februari 2010 hingga 30 April 2010. Surat itu menyatakan bahawa tiada pelanjutan masa yang akan dibenarkan dan kesemua kredit yang tidak digunakan akan dihapuskan dan dikembalikan kepada KDM. Surat yang sama juga dikemukakan oleh P3 di ms6 P17.

20. Tribunal Koperasi telah juga menimbangkan perkara ini dan mendapati bahawa anggota Responden sepatutnya tidak dibebankan dengan tugas mencari saudara-mara atau rakan-rakan untuk menjual atau memberikan ubat-ubatan yang mereka belikan daripada KDM Pharma kerana ubat-ubatan itu adalah untuk suatu tujuan yang spesifik dan mungkin tidak diperlukan oleh orang-orang yang dikenali oleh Pemohon-Pemohon.

Oleh ini, cadangan Responden kepada Pemohon-Pemohon tidak dapat diterima oleh Tribunal ini.

Sama ada Responden Terikat dengan UUK 66(2)

21. Responden ada mengemukakan surat kelulusan bertarikh 24 Disember 2008 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) seperti di Lampiran 2 kepada Jawapannya meluluskan pembayaran dividen tambahan sebanyak 20% atas modal syer KDM bagi Tahun Kewangan 2007 di bawah Peraturan 24, Peraturan-Peraturan Koperasi Malaysia di mana “sebanyak RM1,391,551.40 yang akan dibayar dalam bentuk ubat-ubatan yang akan dibekalkan oleh KDM Pharma”. Bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2008, Responden juga telah mendapat kelulusan SKM untuk membayar 15% dalam cara yang sama. Hujahan Responden adalah

bahawa Pemohon tidak boleh membantah pembayaran tersebut kerana SKM telah membenarkannya membuat bayaran dividen dalam cara demikian kepada anggota-anggotanya..

22. Di sebaliknya, hujahan Pemohon adalah bahawa pembayaran dividen adalah suatu perkara yang tertakluk kepada Undang-Undang Kecil (UUK). UUK 66(2) adalah jelas dan memperuntukkan seperti berikut:

“Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun modal syer anggota sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.”

23. Berdasarkan kepada UUK ini, hujahan kesemua Pemohon adalah bahawa mereka berhak menerima dividen yang diisytiharkan oleh Responden dan dividen mereka tidak boleh dibayar kepada KDM Pharma tanpa persetujuan mereka kerana dividen yang diisytiharkan adalah hak mereka dan merupakan harta kepunyaan mereka.

24. Mengikut Responden pula, resolusi penubuhan KDM Pharma telah dipersetujui oleh wakil-wakil di dalam MATP ke20 pada 8 Jun 2008 seperti dicatat dalam ms15 agenda 12 bagi Tahun Kewangan 2007. Manakala resolusi berkenaan pengagihan sebahagian daripada dividen kepunyaan anggotanya kepada KDM Pharma telahpun dipersetujui oleh wakil-wakil yang menghadiri MATP ke21 pada 7 Jun 2009 seperti dicatat dalam agenda 12 ms21 P18 bagi Tahun Kewangan 2008.

25. Adalah diperhatikan oleh Tribunal Koperasi ini bahawa pengagihan dividen anggota kepada KDM Pharma dalam Tahun Kewangan 2008 adalah melalui resolusi manakala pengagihan dalam Tahun Kewangan 2007 dibuat melalui Perkara 7.3 ms11 minit MATP seperti berikut:

“Proposed Income Appropriated for the Year Ending December 31, 2007

The Treasurer, Dr Chui Kwong Yan went through the Proposed Income Appropriated for the year ending December 31, 2007. The Treasurer also proposed the approval of the below-mentioned items, extracted as follows:-

APPROPRIATION	RM
Proposed Dividend (RM6,,957,757) - 60%	4,174,654.20
Proposed KDM Pharma (RM6,957,757) - 20%	1,391,551.40
<i>[Lain-lain yang tidak berkaitan dengan kes ini]</i>	

26. Adalah diperhatikan bahawa Cadangan Penyata Pengagihan Pendapatan di atas diterima bila diusul terima oleh seorang wakil anggota dan disokong oleh seorang anggota lain dan tidak diterima melalui undian wakil-wakil sepertimana dijalankan untuk resolusi yang dikemukakan.

27. Mengikut hujahan Responden, resolusi pengagihan 15% dividen kepada KDM Pharma dalam Tahun Kewangan 2008 telah diterima sebulat suara seperti mana direkodkan dalam ms 22, P18. Menurut P3, bantahannya berkenaan pengagihan dividennya kepada KDM Pharma telah dibangkitkannya di dalam mesyuarat kawasannya dengan wakilnya dan adalah dipercayai bahawa telah dibangkitkan oleh wakilnya seperti di ms21 P18 walaupun tidak disebutkan namanya.

28. Setelah meneliti UUK66(1) dan (2) dan hujahan yang telah dikemukakan oleh kesemua pihak, adalah keputusan sebulat suara oleh Tribunal Koperasi ini bahawa hak seseorang anggota kepada dividen adalah hak persendirian dan tiap-tiap orang anggota berhak dibayar dividen yang telah diisytiharkan oleh Koperasinya berikutan dengan jumlah syer yang dipegang oleh anggota tersebut. Wakil kawasan yang menghadiri MATP, walaupun MATP merupakan badan yang tertinggi dalam Koperasi, tidak mempunyai kuasa atau hak di bawah mana-mana undang-undang untuk memberi persetujuan menghadihkan dividen kepunyaan anggota persendirian kepada sesiapa pun ataupun memberi persetujuan untuk dividen tersebut dirampas oleh mana-mana pihak sama ada syarikat, anak syarikat Koperasi atau Koperasi itu kerana dividen itu merupakan harta kepunyaan anggota lain kecuali jika dipersetujui secara sukarela oleh anggota itu sendiri. MATP sememangnya adalah terikat dengan UUK dan undang-undang negara kita pada setiap masa hendak membuat sebarang keputusan.

29. Dalam hujahannya, Pemohon telah merujuk kepada prinsip undang-undang bahawa UUK adalah suatu kontrak di antara anggota dan Koperasi. Prinsip ini telah diputuskan dalam kes **Lee -v- Showmen's Guild of Great Britain** [1952] 2 QB 329; [1952] 1 All ER 1175 di mana Denning LJ memutuskan seperti berikut:

"The committee cannot extend their jurisdiction by giving a wrong construction to the contract, no matter how honest they may be. They have only such jurisdiction as the contract on its true interpretation confers on them, not what they think it confers".

30. Dalam kes ini, Responden memang berhasrat untuk menjayakan KDM Pharma dan salah satu cara adalah untuk memastikan bahawa semua anggota membeli ubat-ubatan daripadanya. Akan tetapi, walaupun Responden ikhlas dalam usahanya, berdasarkan kepada prinsip undang-undang ini, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara mendapati bahawa memang tiada apapun peruntukan di dalam UUK yang membenarkan Responden mengagihkan dividen tersebut iaitu

harta anggota individu kepada pihak yang lain dan tiada juga peruntukan di dalam UUK yang membenarkan Responden menghapus kira, merampas atau mengambil kembali dividen yang telah diisytiharkan sebagai hak dan kepunyaan seseorang anggota ke dalam dananya sendiri. Maka, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara memutuskan bahawa Responden tidak mempunyai hak merampas, menghapus kira atau mengambil kembali dividen yang tidak digunakan oleh anggota-anggotanya di dalam KDM Pharma.

31. Selanjutnya, keputusan Tribunal Koperasi ini bahawa Responden tidak berhak merampas (forfeit) harta kepunyaan anggotanya adalah kerana itu adalah salah satu hak yang dipertahankan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Perlu diingatkan oleh semua pihak bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang yang ulong (*supreme*) di negara kita mengikut Perkara 4(1). Dan Perkara 13 adalah jelas dalam mempertahankan hak individu kepada harta. Perkara 13 memperuntukkan seperti berikut:

“(1) No person shall be deprived of property save in accordance with law.

“(2) No law shall provide for the compulsory acquisition or use of property without adequate compensation.”

Sama ada Responden Berkuasa Merampas Dividen Pemohon

32. Tribunal Koperasi ini juga merujuk kepada kes Mahkamah Agung iaitu **Malaysia Shipyard And Engineering Sdn Bhd v Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad [1985] 2 MLJ 359**. Di ms360, Salleh Abas LP memutuskan seperti berikut:

“Unlike a natural person whose position in law is that he or she can do anything unless prohibited or restricted by law, a co-operative society (of which the appellants being registered under section 7 of the Act are one) being a statutory

corporation is not allowed to do anything unless authorized by the statute under which it is incorporated. In other words, the principle of law regarding powers applicable to a co-operative society is the very reverse of that which is applicable to a natural person"."

33. Dalam kes tersebut di atas, Mahkamah Agung telah memutuskan secara majoriti bahawa Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad iaitu Responden dalam kes tersebut tidak mempunyai kuasa di bawah Akta Koperasi 1948 atau di bawah Peraturan-Peraturan untuk mengeluarkan suatu garanti kepada suatu pihak yang bukannya anggota Koperasi dan oleh itu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad tidak bertanggung jawab di bawah garanti tersebut.

34. Responden dalam kes ini adalah dalam kedudukan yang sama seperti Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, iaitu suatu koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1948 yang kini digantikan dengan Akta Koperasi 1993. Setelah disemaknya peruntukan di dalam Akta tersebut, Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa tidak ada peruntukan yang membenarkan Responden mengagihkan dividen Responden kepada mana-mana pihak yang lain ataupun untuk menghapus kira dan merampas atau mengambil balik dividen yang diisytiharkan kepada anggota. Maka, adalah diputuskan secara sebulat suara oleh Tribunal Koperasi ini bahawa Responden sebagai sebuah rekaan statut (*creature of statute*) tidak boleh membuat sesuatu kecuali jika dibenarkan oleh statut yang menubuhkannya dan dengan itu tidak mempunyai kuasa atau hak untuk mengagihkan dividen anggotanya kepada KDM Phama atau untuk merampas dividen tersebut yang tidak digunakan untuk membeli ubat-ubatan.

Sama ada Responden Boleh Memecat Pemohon

35. Dalam hujahannya, Pemohon 3 telah merujuk kepada para (k) Penghujahan Bertulis Responden di mana dihujahkan oleh Responden seperti berikut:

“At our 22nd DAGM held on 6.6.2010 – this matter was made known to the delegates and the delegates felt that if a member doesn’t fulfill the criteria for membership and or doesn’t believe in the vision mission objectives of a Coop – they should leave or action be initiated against them for expulsion”.

36. Tribunal Koperasi ini juga merujuk kepada para 3 Exhibit P16 iaitu surat bertarikh 28 Jan 2010 yang dihantar oleh Pengerusi Responden kepada anggotanya. Para 3 adalah seperti berikut:

“The honeymoon period for us all is over. For business transactions in 2010, we have to wield the stick against:

- Members who do not pay on time, and,
- Members with disciplinary issues in the conduct of KDM Pharma business”.

37. Pemohon 3 menyatakan bahawa dengan kata-kata dan pernyataan seperti di atas, anggota tidak dapat membincangkan sesuatu tanpa was-was kerana mereka diugut dengan pemecatan. Pemohon 3 tidak bersetuju bahawa anggota yang tidak membeli ubat-ubatan dari KDM Pharma digelar sebagai anggota yang mempunyai isu disiplin seperti mana yang dinyatakan oleh Pengerusi Responden dalam para 3 Exhibit 16.

38. Setelah dipertimbangkan hujahan tersebut di atas, Tribunal Koperasi dengan sebulat suara mendapati bahawa anggota-anggota tidak boleh dipaksa membeli ubat-ubatan yang mereka tidak perlukan dan anggota memang mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat mereka semasa MATP melalui wakil-wakil mereka dan anggota juga boleh membincangkan dan memberi pendapat yang bertentangan dengan cadangan atau usul Lembaga Koperasi. Ini adalah kerana salah satu prinsip koperasi adalah “*democratic member control*”.

39. Tribunal Koperasi ini juga memerhatikan bahawa sepertimana yang dinyatakan di Exhibit P1, Pemohon 1 tidak tahu apa yang hendak dibuat dengan ubat-ubatan bernilai RM3000.00. Maka, walaupun Tribunal Koperasi ini berpendapat bahawa “*member participation*” dalam aktiviti Koperasi patut digalakkan, tetapi dalam kes ini, Pemohon-Pemohon tidak boleh diwajibkan menyertai skim pembelian ubat-ubatan dalam cara begini. Pembelian ubat-ubatan bernilai RM3000.00 bukannya suatu peruntukan wajib pada masa Pemohon menjadi anggota. Oleh ini pengenaan syarat baru ini telah mengeneipkan hak anggota yang telah diletakkan (*vested rights*) pada Pemohon-Pemohon.

40. Dalam kes **National Land Finance Co-operative Society Ltd. V Director General of Inland Revenue [1993] 4 CLJ 339**, Mahkamah Agung memutuskan bahawa hak sedia ada seseorang pembayar cukai tidak boleh dibatalkan secara retrospektif kerana seksyen 30 Akta Tafsiran 1967 mempertahankan “*acquired and existing right*” tersebut.

41. Seterusnya dalam kes **Syed Ibrahim Syed Mohd & Ors v Esso Production Malaysia Incorporated [2004] 1 CLJ 889, 922 Mahkamah Rayuan** telah memutuskan seperti berikut:

“A person is empowered to make subsidiary legislation only when the parent Act provides it with such power. For that subsidiary legislation to have retrospective effect the parent Act must also provide that person with power to

make the subsidiary legislation with retrospective effect. This power could not be provided by section 20 of the Interpretation Acts ... as the Interpretation Acts have no legislative power to provide a person to make a subsidiary legislation with retrospective effect. The power for a person to make a subsidiary legislation must be provided by the parent Act itself and not by the provisions of the Interpretation Acts”.

42. Seterusnya di mukasurat 923 penghakiman yang sama, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa:

“The High Court and the Federal Court in **Wong Pot Heng & Anor** made it clear that a vested or an accrued right cannot be taken away because of the protection given by section 30 of the Interpretation Acts. A vested or an accrued right could not be taken away by a legislation or subsidiary legislation with retrospective effect which have the effect of repealing a vested or an accrued right such as repealing the provisions giving the vested or accrued right.”

43. Berdasarkan kepada prinsip ini dan prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes **Malaysia Shipyard And Engineering Sdn Bhd v Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad [1985] 2 MLJ 359**, Tribunal Koperasi ini juga dengan sebulat suara mendapati bahawa tindakan pemecatan atau tindakan disiplin tidak boleh dikenakan ke atas anggota-anggota yang tidak menyertai skim pembelian ubat-ubatan kerana hak sedia ada (vested or acquired rights) Pemohon-Pemohon sebagai anggota dipertahankan daripada pindaan retrospektif. Tambahan lagi, Pemohon tidak mempunyai kuasa untuk membuat pindaan retrospektif terhadap UUKnya kerana tiada peruntukan dalam Akta Koperasi 1995 yang membenarkan atau memberikan kuasa kepada sesebuah Koperasi membuat

pindaan retrospektif kepada UUKnya. Dibalikinya, jika Responden ingin mengambil tindakan disiplin terhadap sesuatu pihak, Responden seharusnya menyiasat dengan lanjut dan mengambil tindakan terhadap bekas anggota yang telah memberikan harta Responden iaitu “Mayflex” kepada pihak ketiga seperti mana dinyatakan di para kedua ms16 minit MATP ke20 pada 8 Jun 2008.

Sama ada Pemohon Berhak Merujuk Pertikaian kepada Tribunal Koperasi

44. Dalam hujahannya, Responden menyatakan bahawa tuntutan Pemohon-Pemohon untuk dividen mereka yang telah dibayar kepada KDM Pharma tidak seharusnya dirujuk kepada Tribunal Koperasi ini. Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa hak Pemohon untuk merujukkan pertikaianya kepada Tribunal Koperasi adalah suatu hak asasi yang diberikan di bawah seksyen 82 Akta Koperasi 1993 dan SKM boleh merujukkan pertikaian tersebut kepada Tribunal Koperasi. Keputusan yang dibuat oleh SKM untuk merujukkan pertikaian tersebut kepada Tribunal Koperasi tidak boleh dipertikaikan. Ini adalah jelas daripada seksyen 82(5) di mana diperuntukkan seperti berikut:

“The decision of the Commission shall be final and shall not be called in question in any civil court.”

45. Dakwaan Responden bahawa Pengerusi Tribunal ada menyatakan beberapa kali bahawa pertikaian ini adalah suatu perkara dalaman dan lebih baik diselesaikan di peringkat MATP adalah tidak betul. Apa yang sebenarnya berlaku adalah Pemohon 1 dan 2 telah menyatakan bahawa mereka menyokong penubuhan KDM Pharma dan ingin melanggan KDM Pharma tetapi tidak dapat membuat demikian sebab ubat-ubatan yang dijual oleh KDM Pharma tidak diperlukan oleh mereka.

46. Selepas habis prosiding pada hari berkenaan, Pengerusi Tribunal ada bertanya kepada Pengerusi Responden sama ada barang-barang yang lain sepertimana yang dijual oleh kedai-kedai farmasi sekarang boleh ditawarkan dan dijual di KDM Pharma selain daripada ubat-ubatan yang sedia ada bagi membolehkan Pemohon-Pemohon

melanggni KDM Pharma sebab mereka telah menyatakan bahawa mereka akan menyokong KDM Pharma jika ada barang-barang yang boleh dibeli mereka.. Jawapan daripada Pengerusi Responden adalah keputusan adalah terpulang kepada MATP.

47. Maka Pengerusi Tribunal pun mencadangkan bahawa terdapat kemungkinan pertikaian ini boleh diselesaikan secara dalaman jika Responden bersetuju menjual barang-barang yang boleh digunakan oleh Pemohon-Pemohon kerana Pemohon-Pemohon telah menyatakan bahawa bukan mereka tidak mahu membeli tetapi tiada apa yang boleh mereka belikan. Jadi bagi menggalakkan "*member participation*" yang ditekankan oleh Pengerusi Responden, cadangan tersebut telah dibuat "*off record*" oleh Pengerusi Tribunal ini tetapi telah dibangkitkan oleh Responden dalam hujahannya sebagai suatu isu.

48. Pada hari perbicaraan selepas pertanyaan itu dikemukakan, Pengerusi Responden telah menyatakan bahawa tiada apa-apa keputusan yang dibuat oleh MATP berkenaan cadangan tersebut dan kes ini telah diteruskan perbicaraannya sehingga selesai tanpa merujuk kepada cadangan tersebut.

49. Setelah menelitikan peruntukan dalam Akta Koperasi 1993, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara mengesahkan bahawa hak Pemohon-Pemohon untuk merujukkan pertikaian ini kepada SKM dan kuasa SKM untuk merujukkan pertikaian ini kepada Tribunal Koperasi adalah termaktub di dalam seksyen 82 Akta Koperasi 1993 dan tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Dan selanjutnya diputuskan bahawa pihak-pihak berkaitan adalah bebas untuk membuat penyelesaian mereka sendiri secara dalaman walaupun pertikaian telah dirujuk kepada SKM atau Tribunal Koperasi sebelum selesai pendengaran pertikaian atau keputusan diberikan oleh Tribunal Koperasi.

Kegagalan Pemohon Memahami Prosidur Kes

50. Bagi Pemohon 1 dan 2 pula, pada 25 Oktober 2010, terdapat dakwaan seperti berikut dalam “*Additional Submission*” yang dikemukakan oleh mereka :

“The Applicants further submit that the Tribunal had not on 1 September 2010 pronounced or resolved in any positive or affirmative manner or had come to a final conclusion or evaluation in respect of the issue to be determined as put forward by the Applicant in their earlier submission which issue is ...”

51. Dengan melihat kepada hujahan ini, adalah jelas kepada Tribunal Koperasi ini bahawa bukan sahaja Responden tetapi Pemohon juga tidak memahami prosidur yang terpakai di Tribunal Koperasi ini walaupun diterangkan kepada mereka beberapa kali bahawa Tribunal Koperasi ini akan mendengar keterangan daripada saksi Pemohon terlebih dahulu. Setelah Pemohon menutup kesnya, Tribunal Koperasi akan mendengar keterangan daripada saksi Responden.

52. Setelah kedua-dua pihak menutup kes, baharulah Tribunal Koperasi akan mendengar hujahan daripada pihak Responden dan diikuti dengan hujahan Pemohon sepertimana yang diperuntukkan di dalam Peraturan 21, *Cooperative Societies Tribunal Regulations 1998 (PU(A)166/98)*. Akan tetapi sebelum habis pendengaran kes, kedua-dua pihak telahpun mengemukakan penghujahan mereka.

53. Dan seperti mana dilihat daripada hujahan Pemohon di atas, dia telah mengharapkan keputusan daripada Tribunal Koperasi pada 1 September 2010 walaupun pada tarikh tersebut, Responden baru memanggil saksinya SR5 untuk pemeriksaan utama. Bila Tribunal tidak membuat apa-apa keputusan pada hari itu, Pemohon telah mengutarakan ketidakpuasannya terhadap Tribunal walaupun kes masih berjalan dan belum semua keterangan yang telah dikemukakan. Pemohon-Pemohon tidak memahami bahawa tiada keputusan yang akan dibuat oleh Tribunal

Koperasi ini sehingga selesai pendengaran kes ini dan selepas kedua-dua pihak telah menutup kes mereka dan hujahan menyeluruh telah diberikan.

54. Tribunal Koperasi ini sentiasa cergas memastikan bahawa tiada ketidakadilan yang berlaku semasa pendengaran oleh pihak-pihak yang tidak diwakili oleh peguam. Akan tetapi, salah faham sering berlaku sebab pihak-pihak yang tidak diwakili oleh peguam tidak tahu akan prosidur dan undang-undang yang terlibat dan ini adalah suatu beban yang perlu ditanggung oleh Tribunal Koperasi ini.

55. Walau apapun salah faham yang telah berlaku, Tribunal Koperasi ini mesti membuat keputusan yang berlandaskan kepada undang-undang. Maka, setelah meneliti kesemua keterangan dan undang-undang yang berkaitan dalam kes ini, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara memutuskan bahawa ketiga-tiga Pemohon adalah berhak kepada keseluruhan dividen yang telah diisytiharkan oleh Responden termasuk jumlah yang telah diluluskan oleh SKM untuk dibayar kepada KDM Pharma. Tribunal Koperasi Malaysia dengan ini, mengarahkan supaya keseluruhan jumlah yang dirampas (forfeited) dari akaun KDM Pharma kepunyaan ketiga-tiga Pemohon ini dibayar balik kepada mereka masing-masing mengikut jumlah yang telah dirampas.

Bertarikh pada 4 Januari 2011.

PUAN TAN GHEE PHAIK
(PENGURUSI TRIBUNAL KOPERASI MALAYSIA)

PUAN FATIMAH BINTI ANI
(ANGGOTA PANEL SKM)

PUAN HAJAH HAYATI BINTI MOHD SALLEH
(ANGGOTA PANEL KOPERASI)